

Majlis Raja-Raja tak halang tapi melarang jika tujuan menyelewengkan akidah

Boleh guna perkataan Islam

UM 23 MAR 2001
Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 22 Mac — Majlis Raja Raja hari ini memutuskan bahawa ia tidak menghalang penggunaan perkataan Islam pada mana mana pertubuhan dan parti politik

Ia juga memutuskan bahawa tiada pihak berhak menentukan keislaman seseorang itu dengan mengenakan syarat syarat tam bahan setelah orang itu menepati rukun Iman dan rukun Islam

Keputusan itu yang dibuat berdasarkan usul Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam dicapai pada mesyuarat ke 188 Majlis Raja Raja selama dua hari di Istana Negara yang berakhir hari ini

Menurut kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja Raja di akhir mesyuarat itu walaupun tiada halangan bagi penggunaan perkataan Islam bagaimanapun ia melarang jika penggunaannya itu untuk tujuan mengeliru dan menyelewengkan akidah dan pemikiran rakyat

Tambahnya perbuatan mengeliru dan menyelewengkan perkataan Islam adalah bercanggah dengan prinsip prinsip syariat Islam dan boleh dikenakan tindakan menurut peruntukan undang undang sedia ada

Majlis Raja Raja tiada halangan kepada penggunaan perkataan Islam oleh mana mana pertubuhan malahan digalakkan tetapi ia hendaklah berdisiplinkan ilmu iman dan ihsan jelas kenyataan itu

Selain itu Majlis Raja Raja menegaskan fahaman meminta sokongan sebelum mengiktiraf seseorang itu sebagai beragama Islam atau tidak merupakan satu ajaran salah dan menyeleweng

Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati rukun Iman dan rukun Islam

Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana mana pihak menambah apa apa syarat lain bagi menentukan keislaman seseorang itu tambah kenyataan itu

Kenyataan itu juga menyebut Sesiapa yang mengamalkan mengajar menyeru atau menyebarkan dengan apa apa cara jua pun akan fahaman tersebut adalah melakukan perbuatan yang termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng

Mesyuarat Majlis Raja Raja yang turut dihadiri oleh Yang di Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dipengerusikan oleh Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin

Keberangkatan Yang di Pertuan Agong ditinggalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Semua sultan hadir kecuali Sultan Kedah yang diwakili oleh Raja Muda Tunku Abdul Malik Sultan Badlishah Sultan Pa

■ Lihat muka 4

Boleh guna perkataan Islam

hang (Tengku Muda Tengku Abdul Rahman) dan Sultan Johor diwakili oleh Tunku Mahkota Tunku Ibrahim Ismail

Keputusan berhubung isu penggunaan nama Islam itu ditunggu oleh rakyat apabila *Utusan* melaporkan agenda penggunaan nama Islam dalam pertubuhan dan parti politik akan diberi penekanan oleh Majlis Raja Raja kali ini

Kebimbangan bahawa Majlis Raja Raja dan Majlis Fatwa Kebangsaan akan memihak kepada UMNO dalam membuat keputusan berhubung isu itu telah menyebabkan beberapa pemimpin Pas mengancam akan menentang sekiranya parti itu tidak dibenarkan menggunakan perkataan Islam

Sementara itu Majlis Raja Raja dalam keputusannya hari ini turut memutuskan bahawa ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah

Dari itu tegasnya dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang orang Islam layak ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam

Selain isu yang bersangkutan dengan agama Majlis Raja Raja turut membuat keputusan mengenai perkara melibatkan keselamatan negara dan pelantikan hakim hakim

Di antara keputusan yang dibuat ialah persetujuan untuk melantik Datuk Karam Chand Vohrah Datuk Wira Mohd Noor Ahmad dan Datuk Alauddin Mohd Sheriff yang kesemuanya sekarang hakim hakim Mahkamah Tinggi sebagai hakim hakim Mahkamah Rayuan mulai dari tarikh yang ditetapkan kemudian kelak

Majlis Raja Raja juga mengesahkan perse tujuan pelantikan Datuk Siti Norma Yaakob Datuk Haidar Mohamed Noor dan Tan Sri Mohtar Abdullah sebagai hakim hakim Mahkamah Persekutuan baru baru ini